

Bahagian A

[20 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Arahan: Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

Soalan 1 hingga 5

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. Mak Lijah menanam beberapa _____ serai di belakang rumahnya.

A ikat C helai
B pucuk D rumpun

2. "_____ seharusnya berusaha dengan gigih jika ingin bergelar murid cemerlang," kata Cikgu Marlia kepada saya dan rakan-rakan sekelas.

A Kamu C Kita
B Awak D Kalian

3. Abang Danial berasa _____ kerana keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia akan diumumkan tidak lama lagi.

A rawan C gelisah
B seram D sangsi

4. Mereka sedang _____ barangan makanan dari lori untuk diagihkan kepada mangsa-mangsa tsunami itu.

A memasukkan C memungut
B memungkah D memuat

5. Encik Azim _____ ke tempat kerja kerana sudah terlewat.

A terkocoh-kocoh C terhuyung-hayang
B terpingkal-pingkal D terkulat-kulat

Soalan 6 hingga 9

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu ditanda dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

6. Buku rujukan Sains yang tebal itu telah
A B
dibaca oleh saya selama dua hari. Tiada kesalahan
C D

7. Arca buatan Itali itu mahal amat harganya
A
kerana diperbuat dari bahan yang bermutu
B
tinggi. Tiada kesalahan
C D

8. Pelaksana hukuman rotan akan dikaji
A
semula untuk meningkatkan mutu disiplin
B
dalam kalangan murid. Tiada kesalahan
C D

9. Kami saling berbalas-balas e-mel untuk
A
berbincang tentang mata pelajaran yang
B
tidak difahami. Tiada kesalahan
C D

Soalan 10 hingga 11

Pilih ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

10. I Tulisan adik kelihatan *kasar* dan tidak kemas.
II Perabot yang dibeli oleh abang tahan lama, namun *kasar* buatannya.

- III Nadia membentangkan untung *kasar* yang diperoleh oleh syarikatnya.
 IV Emak menegur Zamir kerana percakapan dan kelakuannya terlalu *kasar*.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

11. I Buku itu *disekat* oleh kakak dengan cepat tanpa membacanya dengan teliti.
 II Permukaan air di atas jalan raya itu kering setelah *disekat* panas matahari.
 III Penyakit berjangkit itu akan dapat *disekat* jika cepat diubati.
 IV Ruang tamu yang besar itu *disekat* menjadi beberapa bilik kecil.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 12 hingga 13

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

12. Syamir memberitahu rakan baiknya bahawa dia tidak dapat hadir ke majlis hari lahir Anita kerana terpaksa pulang ke kampung.
 A memberitahu rakan baiknya yang
 B memberitahukan rakan baiknya agar
 C memberitahukan rakan baiknya sejak
 D memberitahu rakan baiknya bahawa
13. Setengah dari murid tingkatan lima itu sedang mengikuti aktiviti perkhemahan.
 A Setengah daripada murid
 B Sesetengah dari murid
 C Sesetengah daripada murid
 D Setengah dari murid

Soalan 14

Pilih ayat-ayat yang betul.

14. I Mereka saling pandang-memandang ketika mendengar berita itu.
 II Lutfi sering bersedih sejak kehilangan ibunya.
 III Lia menyapu daun-daun kering yang berguguran di halaman rumah.
 IV Ayu diberi sebatang pensel oleh gurunya.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 15

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

15. Faktor utama yang memainkan peranan untuk melahirkan masyarakat yang kreatif dan inovatif ialah sistem pendidikan negara kita.
 A Masyarakat yang kreatif dan inovatif tidak akan dapat dilahirkan tanpa sistem pendidikan yang betul.
 B Bagi melahirkan masyarakat yang kreatif dan inovatif, sistem pendidikan merupakan faktor tunggal.
 C Kita tidak boleh mengharapkan sistem pendidikan semata-mata untuk melahirkan masyarakat yang kreatif dan inovatif.
 D Sistem pendidikan negara kita memainkan peranan yang penting untuk melahirkan masyarakat yang kreatif dan inovatif.

Soalan 16

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

16. Duit raya yang diterima oleh kanak-kanak wajar dimanfaatkan sebaik-baiknya dengan cara menyimpannya di bank demi masa depan mereka.
 A Ukur baju di badan sendiri
 B Alah membeli menang memakai
 C Cermat masa banyak, jimat masa sedikit
 D Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada berguna